

19/01/2003

Agenda utama Zaid atasi masalah kemiskinan

KOTA BHARU: Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan yang baru, Zaid Ibrahim berkata, agenda utama beliau ialah berusaha mengatasi masalah kemiskinan yang terus melingkari kehidupan rakyat, terutama golongan berpendapatan kecil di negeri ini

Beliau berkata, masalah itu turut dibincang dalam mesyuarat Badan Perhubungan Umno negeri dan akan mengambil langkah sewajarnya untuk mengatasi masalah itu.

Katanya, Pas gagal mengatasi masalah itu tanpa mengambil sebarang tindakan untuk membantu golongan berkenaan.

"Kemiskinan di Kelantan ini satu hal serius yang turut memberi kesan kepada pendidikan anak-anak, tetapi (kerajaan Pas) tidak melakukan sesuatu tindakan konkrit (mengatasinya).

"Saya dan rakan-rakan dalam Badan Perhubungan telah membincangkan perkara ini dan kita akan memberi tumpuan bagaimana boleh membantu mengurangkan kemiskinan dan memperkuat kuasa ekonomi rakyat.

"Usaha ini menjadi agenda utama saya, Umno dan BN negeri bagi merealisasikan hasrat Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) ingin melihat Kelantan berubah.

"Namun, perubahan itu boleh berlaku jika dapat mengubah kerajaan supaya (Umno dan BN) mendapat kekuatan dan kemampuan untuk berkhidmat kepada rakyat," katanya kepada pemberita selepas perasmian majlis penyampaian sumbangan pakaian, beg sekolah dan basikal, bernilai kira-kira RM53,000 sumbangan Umno bahagian itu, di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Kota, di sini, semalam.

Seramai 480 murid daripada 22 sekolah rendah dalam Parlimen Kota Bharu menerima sumbangan dan 66 orang menerima basikal.

Zaid yang juga Ketua Umno bahagian percaya langkah Umno membantu golongan tidak bernasib baik dan berusaha mengatasi masalah kemiskinan rakyat akan mendapat sokongan masyarakat.

Katanya, usaha itu juga sebagai bukti Umno dan BN bersikap bertanggungjawab dan berhasrat menjadi kerajaan yang boleh memimpin dan membantu rakyat.

"Saya percaya kita lebih mampu untuk berkhidmat berbanding kerajaan sekarang (Pas) dan akan berterus terang dengan rakyat mengenai keupayaan Umno dan BN dan kita percaya rakyat mampu membuat pemilihan bijak dalam hal ini," katanya.